

Kosmo 2
25/05/2015
mls 23

KEDIAMAN Alias dan Sharifah merupakan warisan turun-temurun keluarganya.

FOTO: MD.SHAHJEHAN MAAMIN.

Oleh MOHD. GHAZALI ALIAS

Rumah tradisional Negeri Sembilan

Salasilah penduduk Negeri Sembilan yang berasal dari Kepulauan Minang menyebabkan seni bina rumahnya sering disalah anggap sebagai rumah Minangkabau berikutan bentuknya yang seakan-akan serupa.

MELIHAT bumbung panjang dengan hujung yang sedikit lentik bersama seni bina rumah yang penuh dengan simbolik adat, hati mula tertanya-tanya bagaimana rumah yang sudah mencapai usia lebih seabad masih lagi kekal terpelihara tanpa sebarang cacat cela.

Tatkala menjejakkan kaki di pekarangan sebuah rumah di Kampung Rembang Panas, Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, kelihatan sosok tubuh seorang lelaki sedang asyik menyapu helaian daun kering di halaman rumahnya.

Tempat berlindung kala hujan dan panas, mata seakan-akan terpegun dengan seni bina bercirikan rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan.

Alias Makmur, 57, anak jati Negeri Sembilan...



SHARIFAH tidak pernah mengabaikan amanat keluarga yang memintanya untuk memelihara dan menjaga warisan pusaka untuk generasi akan datang.

simbolik kepada negeri yang turut terkenal dengan amalan adat Perpatih.

berteduh malah menjadi tempat untuk aktiviti kemasyarakatan dan keraian.



RUMAH tangga merupakan bahagian hadapan rumah yang selalunya terdapat di kediaman orang kaya.

berkhatan, mengkafankan jenazah dan tempat tidur bagi tuan rumah yang pasangannya telah meninggal

Sembilan itu berbangga kerana mempunyai warisan turun temurun yang merupakan identiti utama negerinya.

“Rumah ini merupakan warisan sejak zaman nenek moyang saya, sehingga kini ia masih utuh malah seni binanya masih dikekalkan seperti mula-mula dibina.

“Walaupun ada sebahagian pihak mengatakan rumah kayu agak ketinggalan zaman, saya masih berpegang teguh dengan amanat supaya rumah ini dapat dijaga untuk diwarisi kepada generasi yang akan datang,” katanya yang kini tinggal di rumah pusaka tersebut bersama isterinya, Sharifah Harun, 50.

Rumah Klasik Melayu Negeri Sembilan merupakan antara seni bina yang sinonim dan menjadi

Sering disalah erti dengan reka bentuk rumah Minangkabau, rumah Negeri Sembilan mendukung identiti tersendiri.

Begitupun, pada dasarnya pengaruh seni bina tersebut dibawa oleh masyarakat Minang dari kabupaten Siak, di provinsi Riau, Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu sejak beratus tahun dahulu.

Bermula daripada tiang seri yang berperanan sebagai tunjang utama sebuah rumah sama ada dipecah empat atau lapan, seni bina unik tersebut membentuk sebuah kediaman yang berperanan bukan sahaja sebagai tempat



ALIAS

Serambi

Langkah pertama memasuki rumah Negeri Sembilan bermula dengan serambi atau kini dikenali sebagai ruang tamu. Berbeza seperti rumah kayu biasa, serambi rumah Negeri Sembilan mempunyai bentuk yang memanjang dan terdapat bahagian hujung dan pangkal yang ditentukan mengikut laluan arus sungai.

Bahagian hujung selalunya di kedudukan hilir sungai, manakala pangkal di sebelah hulu.

Kedua-duanya mempunyai fungsi tersendiri seperti kawasan tempat duduk pembesar semasa keraian, ruang mengaji al-Quran, akad nikah,

yang pasungannya akan meninggalkan dunia. Pembinaan lantainya adalah sekata di sepanjang serambi, selaras dengan adat Perpatih yang menggariskan nilai egalitarianisme bahawa setiap manusia adalah sama rata walaupun berbeza pangkat dan darjat di alam duniawi.

Melempi kawasan serambi, rumah ibu menjadi bahagian kedua dalam seni bina rumah Negeri Sembilan. Bahagian yang tinggikan dengan selapis papan dari serambi itu merupakan kawasan yang menempatkan kamar tidur bagi tuan rumah dan ahli keluarga.

Selain itu, rumah ibu menempatkan laluan ke ruang loteng yang menjadi tempat simpanan barang-barang berharga.

Suatu masa dahulu ruang loteng juga menjadi tempat persembunyian anak gadis daripada menjadi mangsa kekejaman tentera Jepun.

Rumah ibu merupakan rangka utama yang menjadi penghubung kepada setiap bahagian lain dalam seni bina rumah Negeri Sembilan.

Seterusnya, bahagian rumah disambung pula dengan ruang yang dipanggil kolek anak. Bahagian kolek anak merupakan ruang khas untuk menempatkan ibu yang baru bersalin.

Rekaannya juga memudahkan golongan ibu bersalin seperti tali sebagai tempat bergantung yang diikat dari bumbung. Di sudut bahagian kolek anak pula,



SERAMBI merupakan kawasan yang menempatkan tetamu atau untuk keraian.



ALIAS menunjukkan susunan papan lantai ruang kolek anak yang dahulunya direka sebagai tempat untuk memandikan jenazah.

Kosmo 2
25/5/2015
MIS 23

menempatkan dapur kecil yang menjadi tempat untuk memanaskan batu tungku.

Kedudukan lantai dijarakkan selebar satu hingga dua jari, bahagian kolek anak turut dijadikan ruang untuk memandikan jenazah sekiranya berlaku kematian dalam kalangan ahli keluarga.

Rumah Negeri Sembilan juga mempunyai ruang pelantar yang merupakan tempat simpanan barang-barang keperluan dapur dan makanan binatang ternakan seperti sagu untuk ayam.

Ruang akhir semestinya dapur yang merupakan bahagian wajib untuk setiap kediaman.

Bumbung

Selain susun atur bahagian rumah, identiti utama yang mencerminkan jiwa Negeri Sembilan adalah seni

bina bumbung rumah yang panjang serta melentik di hujungnya.

Menurut pakar adat Negeri Sembilan dengan gelaran Datuk Seri Maharaja Tuan Haji Khalid Bongek, 75, reka bentuk bumbung rumah Negeri Sembilan merupakan ciri utama yang menzahirkan perbezaan antara rumah tersebut dengan rumah Minangkabau.



KHALID



TEKNIK pahat dan tanggam dipercayai dapat menjadikan rumah lebih kukuh dan tahan lasak.



BELIUNG dan ketam kayu merupakan peralatan yang digunakan untuk memproses batang pokok menjadi tiang seri serta papan.



tentang Negeri Sembilan khususnya dari segi adat dan rumah.

"Jika menyebut sahaja tentang rumah Negeri Sembilan, ramai yang tertanya-tanya adakah wujud rumah sememikian dan bukannya itu rumah Minangkabau," jelasnya yang juga merupakan Tiang Balai Penghulu Luak Ulu Muar.

Tambahnya, seperti yang diketahui ramai tentang fakta Istana Diraja Seri Mepanti dibina tanpa menggunakan sebatang paku,

dimasuki semut.

Rekaan dinding rumah Negeri Sembilan pula mempunyai variasi mengikut kemampuan masyarakat yang ingin membina kediaman mereka.

Antara jenis dinding sering ditemui pada rumah tradisional di Negeri Sembilan ialah dinding sisik tenggiling, papan tengah berlidah, papan serong berlidah, apit-apit, pelupuh, anyam beremban dan kulit kepong.

"Sebelum membina rumah, tukang pawang akan dipanggil bagi meneliti kawasan tersebut sama ada ia sesuai atau tidak. Bukan sahaja faktor ekosistem dititikberatkan tetapi unsur makhluk lain yang kita tidak nampak dengan mata kasar turut diambil kira.

"Zaman dahulu rumah di Negeri Sembilan banyak dibina di kawasan yang mempunyai mata air atau berdekatan sungai yang merupakan laluan utama penduduk sebelum adanya jalan raya. Rumah perlu menghadap tanah lapang supaya cahaya dapat masuk ke dalam rumah," katanya.

Dalam meniti peredaran zaman, rumah Negeri Sembilan masih gagah bertahan sehingga hari ini. Hal tersebut telah menarik ramai pihak untuk mengkaji kelebihan seni bina rumah dan ciri-ciri yang menampilkan keunikan dan identiti rumah tersebut.

Seorang pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Rumah Tangga), Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Anis Fariza Ahmad, 25, memberitahu, dia cukup mengagumi seni bina rumah Negeri Sembilan yang sangat berbeza daripada rumah tradisional lain.

Mendapat peluang untuk mendalami sejarah asal usul rumah tradisional Negeri Sembilan melalui kerja kursusnya dalam subjek Hubungan Etnik di Malaysia, Anis Fariza telah mengkaji tentang seni bina unik tersebut.

"Saya turun padang mencari



ANIS FARIZA

“Walaupun salasilah keturunan suku kaum Minang berasal dari kepulauan Minangkabau, amalan adat serta rekaan rumah Negeri

Sembilan tidaklah sepenuhnya mengguna pakai identiti negeri tersebut.

“Masyarakat sering salah faham tentang perkara yang berkisar

kebanyakan rumah tradisional Negeri Sembilan turut mengguna pakai teknik binaan sama iaitu teknik pasak dan tanggam.

Kedua-dua teknik tersebut merupakan kaedah untuk mencantumkan rumah yang digunakan oleh tukang rumah pada zaman dahulu sebelum penggunaan paku.

Khalid turut berseloroh tentang kelebihan teknik tersebut yang menjadikan rumah bebas daripada

Pantang larang

Untuk membina sebuah rumah, masyarakat Negeri Sembilan, mempunyai kepercayaan atau pantang larang yang perlu dituruti supaya kediaman yang didirikan lengkap dengan keperluan air dan cahaya.

Khalid memberitahu, peraturan itu bertujuan mengelakkan rumah daripada didirikan atas tapak yang tidak sesuai.

maklumat dan baru saya tahu Negeri Sembilan bukanlah seperti yang digembar-gemburkan. Masyarakat di sini amat ramah, bersatu dan menjaga segala adat resam yang membentuk rumpun komuniti yang sakinah.

“Sebagai belia, saya amat berharap agar seni bina rumah Negeri Sembilan dapat dikekalkan untuk generasi akan datang supaya ia tidak dilupakan dan terus disalah anggap,” ujarnya.

Memperkasa warisan budaya negeri

PEREDARAN zaman ke arah negara maju merupakan perkembangan yang positif seiring dengan keperluan semasa. Namun, di sebalik pencapaian tersebut nilai sentimen adat dan tradisi semakin terhakis berikutan sifat taksub masyarakat mengejar modenisasi.

Kurangnya pendedahan dan pengetahuan khususnya dalam kalangan belia merupakan antara faktor yang menjadi punca warisan tradisi semakin pudar serta kurang diamalkan.

Ia turut berlaku di Negeri Sembilan yang kurang menonjol dalam aspek tarikan adat berikutan pembangunan lebih bersifat kolonial dan amalan adat semakin berkurangan.

Menurut Penolong Pengarah, Jabatan Perpaduan dan Integrasi

Nasional Negeri Sembilan, Abdul Khalid Ujang, penglibatan kedua-dua belah pihak antara institusi adat dan kerajaan negeri amat diperlukan dalam memastikan warisan budaya tidak terhakis pada masa hadapan.

“Adat merupakan amalan yang telah membentuk identiti marhaen sejak beratus tahun dahulu malah ia juga membentuk undang-undang negara yang mengangkat kegemilangan Kepulauan Nusantara.

“Pembangunan masa kini telah menjadikan amalan adat semakin terhakis malah masyarakat kurang arif mengenainya,” katanya yang juga merupakan pewaris sulung



ABDUL KHALID

Penghulu Luak Ulu Muar yang memegang gelaran Datuk Perdana.

Tambahnya, antara faktor utama situasi tersebut berlaku ialah kurangnya pembangunan bercirikan warisan adat khususnya di Negeri Sembilan yang mempunyai identiti seni bina tersendiri.

Institusi adat di Negeri Sembilan telah melancarkan pelbagai usaha bagi memperkasa fahaman adat dalam kalangan masyarakat. Namun, pelaksanaan yang tidak konsisten dan kekurangan pakar tentang ilmu adat khususnya golongan belia menjadi punca usaha tersebut terhenti di tengah jalan.

Mengulas tentang pandangan generasi muda berkenaan sentimen adat sebagai satu fahaman primitif, Abdul Khalid memberitahu, ia merupakan persepsi yang perlu dibendung.

“Setiap amalan dalam adat istiadat khususnya di Negeri Sembilan mendukung keperluan yang menjurus ke arah kebaikan dan paling penting seiring dengan tuntutan syarak.

“Golongan belia perlu turun padang mengenali dan memahami sendiri keperluan adat kepada masyarakat. Mereka juga perlu membuat kajian terlebih dahulu berkenaan maklumat yang diperoleh sebelum mengeluarkan sebarang tanggapan negatif tentang adat istiadat khususnya adat Negeri Sembilan,” ujarnya.